

BAHAN KECEMERLANGAN 2016
SPM

BK 7

BAHASA MELAYU
KERTAS 2

NAMA :

KELAS :

DIBIYAI OLEH
KERAJAAN NEGERI TERENGGANU

Soalan 1: Rumusan

[30 markah]

Baca petikan berikut dengan teliti, kemudian buat rumusan tentang **langkah-langkah untuk memulihara sungai di bandar dan kepentingan memulihara sungai**. Panjangnya rumusan hendaklah tidak melebihi 120 patah perkataan.

Menjijikkan! Suatu gambaran kesedihan pencinta alam sekitar apabila melihat keadaan lesu Sungai Klang dan Sungai Gombak. Keadaan sungai bukan sahaja kotor malah berbau busuk. Kedua-dua batang sungai yang mengalir di tengah-tengah bandar raya Kuala Lumpur itu sepatutnya menjadi destinasi yang menarik untuk warga kota beriadah dan berekreasi, tetapi menjadi tempat paling memualkan kerana persekitaran sungai telah menjadi sarang penagih dadah yang menjadikan tembok Sungai Klang sebagai lokasi strategik untuk berlindung daripada pihak berkuasa. Timbunan sampah di tebing sungai pula menjadi tempat pembiakan binatang seperti tikus, lipas dan lalat. Oleh sebab itu, pihak penguat kuasa perlu kerap turun padang untuk memantau pihak yang tidak bertanggungjawab ini daripada mencemarkan sungai.

Semasa pelancaran projek *River of Life*, pihak Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) telah mengingatkan betapa pentingnya warga kota mengubah sikap mereka dalam memastikan kebersihan Sungai Klang dan Sungai Gombak. Ingatan tersebut disampaikan kerana pelbagai usaha telah dilakukan oleh pihak kerajaan supaya air sungai dapat terus mengalir. Namun begitu, usaha-usaha tersebut belum mampu mengubah nasib sungai di bandar raya itu. Sehubungan dengan itu, kerajaan perlu menilai semula kempen *mengubah budaya* membuang sampah untuk menyedarkan warga kota. Walaupun banyak pihak berpendapat bahawa undang-undang yang sedia ada lebih daripada mencukupi untuk menjaga kelestarian sungai, namun pihak penguat kuasa perlu melaksanakan dan menguatkuasakan undang-undang yang berkaitan dengan tegas.

Program-program pemuliharaan sungai yang dilaksanakan oleh DBKL seperti program pemuliharaan Sungai Klang dan Sungai Gombak, melibatkan masa yang panjang dan kos yang tinggi. Dalam hal ini, DBKL mesti merangka suatu pendekatan proaktif yang lebih komprehensif untuk memastikan keberkesanan program yang dijalankan. Pendekatan tersebut boleh dilakukan dengan menjalankan kajian secara terperinci agar dapat dilaksanakan dengan berkesan. Untuk tujuan itu, DBKL perlu mengaktifkan program sungai angkat selain menambah baik aktiviti pemuliharaan sungai. Kejayaan memulihara Sungai Melaka sehingga menjadi destinasi pelancongan utama di Melaka boleh dicontohi. Di samping itu, para pemilik kilang hendaklah bertanggungjawab menanggung kos pemulihan sungai yang dicemari oleh aktiviti mereka sendiri. Hal ini demikian kerana mereka tiada masalah untuk membayar denda yang dikenakan setelah mengaut keuntungan yang berjuta-juta ringgit hasil daripada operasi kilang mereka.

Dalam menangani permasalahan ini juga, warga kota mesti bekerjasama bagi meminimumkan pencemaran sungai agar sungai di bandar dapat dipulihara. Hal yang demikian tidak sepatutnya menjadi penghalang kepada mereka untuk mencapai matlamat yang diinginkan kerana kebersihan sungai di bandar melambangkan cara hidup warganya.

Dipetik dan diubah suai daripada
'Memulihara Sungai di Bandar'
oleh Abdul Kadir Mohd. Ayub,
Dewan Masyarakat, Oktober 2012

Soalan 2 : Pemahaman

[35 markah]

Soalan 2 (a) – Petikan Umum

Berdasarkan petikan **Soalan 1** di atas, jawab soalan-soalan yang berikut dengan menggunakan ayat anda sendiri.

- (i) Berikan maksud rangkai kata *mengubah budaya*. [2 markah]
- (ii) Pengarang berpendapat bahawa sungai-sungai di bandar sebagai tempat paling memualkan. Nyatakan sebab-sebab pengarang berpendapat sedemikian. [3 markah]
- (iii) Pada pendapat anda, apakah usaha-usaha yang boleh dilakukan untuk menjadikan sungai sebagai destinasi pelancongan? [4 markah]

Soalan 2 (b) Petikan Cerpen

Baca petikan cerpen di bawah ini dengan teliti, kemudian jawab soalan-soalan yang berikutnya dengan menggunakan ayat anda sendiri.

Setiap kali saya meluahkan hasrat untuk bermastautin di ibu kota, bonda memberikan pelbagai alasan agar saya terus menetap di kampung halaman tercinta ini. Kata bonda, ilmu agama saya masih terlalu cetek dan nipis. Bimbang, saya akan hanyut dibawa arus hedonisme dan modenisme yang sedang melanda anak-anak muda kota. Malahan, kata bonda lagi, bahasa ibunda saya juga masih lemah. Bahasa yang membesarkan saya dengan segala adat resam dan nilai budaya warisan turun-temurun. Bahasa yang diwarisi nenek moyang sejak zaman berzaman.

Bonda tahu, secubit ilmu yang mengisi dada saya yang kerdil ini tidak akan mampu mengekang ledakan perubahan sosial yang boleh meragut jati diri saya sebagai generasi bermaruah. Saya akui kebenaran kata-kata bonda tentang malapetaka yang sedang menghinggapi sekian ramai anak-anak sebangsa saya. Kebanyakannya tergadai maruah dan harga diri dek mengejar dunia yang bergelag globalisasi dalam menuju arus perdana.

“Mel, agama dan bangsa itu cermin maruah kita yang ditinggalkan nenek moyang! Jasad yang dibaluti agama serta lidah yang dilebati bahasa ibunda merupakan warisan kita yang masih ada. Andai kedua-dua sudah hilang di atas muka bumi ini, kita bukan lagi generasi bermaruah, tetapi bangsa yang dilaknati Allah.”

Dipetik daripada cerpen ‘Munysi’
oleh Husna Nazri
dalam antologi *Jaket Kulit Kijang dari Istanbul*,
Dewan Bahasa dan Pustaka

- (i) Bersandarkan petikan cerpen di atas, nyatakan punca-punca bonda menghalang Mel untuk bermastautin di bandar. [2 markah]
- (ii) Pada pandangan anda, bagaimanakah cara-cara untuk meningkatkan semangat jati diri remaja sekarang? [3 markah]
- (iii) Huraikan **satu** pengajaran yang terdapat dalam petikan dan **satu** pengajaran lain daripada keseluruhan cerpen ini yang tidak terdapat dalam petikan. [4 markah]

Soalan 2[c] – Petikan Prosa Tradisional

Baca petikan prosa tradisional di bawah dengan teliti, kemudian jawab soalan-soalan berikut dengan menggunakan ayat anda sendiri.

Sebermula maka Laksamana pun memakai pakaian penjurit. Maka Laksamana pun berjalanlah. Pada malam itu kelam-kabut dan hujan pun rintik-rintik. Maka Kertala Sari masuklah ke dalam kota. Maka Laksamana pun tidur di tengah pasar itu. Maka didengar oleh Laksamana kaki Kertala Sari itu terlalu gemuruh bahananya. Maka Laksamana pun tahu lah akan Kertala Sari datang itu. Maka Kertala Sari pun berjalan ke tengah pasar itu. Maka tertendang kakinya pada tubuh Laksamana.

Maka Kertala Sari pun berdiri atas kepala Laksamana itu, katanya, “Teririk bangkai pula aku ini!”

Adapun akan Laksamana tidur itu kerisnya sudah terhunus, lalu ia bangun melompat menikam dada Kertala Sari terus ke belakangnya.

Maka Laksamana pun berkata, “Ceh, mati engkau olehku!”

Setelah Kertala Sari merasai luka itu, maka dihunusnya kerisnya pula mengusir Laksamana. Dua tiga langkah maka ia pun rebah terjerumus lalu mati. Maka oleh Laksamana dihirisnya syahwatnya diambilnya lalu ia kembali ke rumahnya.

Setelah hari hampir siang maka orang pun lalu. Maka *dilihatnya seorang perlente mati*; maka segera dikeratnya telinga dibawa kepada raja, sembahnya, “Ya tuanku, inilah tandanya patik membunuh penjurit yang terlalu buas itu.”

Dipetik daripada
‘Kepimpinan Melalui Teladan’
dalam antologi *Jaket Kulit Kijang dari Istanbul*
Dewan Bahasa Pustaka

- (i) Berikan maksud *dilihatnya seorang perlente mati*. [2 markah]
- (ii) Apakah tindakan yang dilakukan oleh Laksamana terhadap Kertala Sari? [3 markah]
- (iii) Pada pendapat anda, mengapakah kita perlu melakukan perancangan sebelum melaksanakan sesuatu pekerjaan? [3 markah]

Soalan 2 (d) – Sajak

Baca sajak di bawah dengan teliti, kemudian jawab soalan-soalan yang berikutnya dengan menggunakan ayat anda sendiri

PESAN LELAKI KECIL KEPADA GADIS KAMPUS

Kuhantar kau mengecapi angin baru
udara lain dari kampung bendang kuningmu
bumantara asing dari yang sering kaumesrai
yang sama sekali berbeza
dengan suasana suntimu
kaunikmatilah angin dan udara ilmu itu
memesrai azimat dan tangkal
dari tangga gading.

Kulepaskan kau menjadi burung putih
dengan sayap berkembang
menongkah awan perak dan kabut dingin
menenal kalimat hujan dan bilah petir
menyelit antara sembilu nasib
dan waras akal.

Di awan kampus yang sarat ilmu
hadir sihir angin bernafas api
di pohon kampus yang tegar status
berceracak selumbar noda mengabur fikir
*di padang kampus yang hijau pertimbangan
tumbuh gunung ego menghalau pekerti.*

SAZALEE YACOB
Antologi *Sejadah Rindu*
Dewan Bahasa Pustaka

*di padang kampus yang hijau pertimbangan
tumbuh gunung ego menghalau pekerti.*

- (i) Apakah yang hendak disampaikan oleh penyajak melalui petikan sajak di atas. [2 markah]
- (ii) Dalam **rangkap pertama** sajak ini ada dinyatakan tentang perubahan minda yang perlu dilakukan oleh seseorang murid sebelum mereka bergelar pelajar universiti. Pada pendapat anda, mengapakah mereka perlu bersedia dengan langkah-langkah yang sewajarnya ketika berada di menara gading? [3 markah]
- (iii) Huraikan dua **persoalan** yang terdapat dalam sajak tersebut. [4 markah]

Soalan 3 : Pengetahuan dan Kemahiran Bahasa**[30 markah]***Jawab semua soalan.*

(a) **Tulis satu ayat bagi setiap perkataan di bawah untuk menunjukkan bahawa anda faham akan maksud dan penggunaannya. Anda tidak boleh menambahkan imbuhan atau menggunakan perkataan-perkataan itu sebagai peribahasa atau nama khas.**

- (i) hati
- (ii) perhatian
- (iii) pemerhatian
- (iv) pandang
- (v) pandangan
- (vi) pemandangan

[6 markah]

(b) **Baca setiap ayat di bawah dengan teliti, kemudian pastikan pola ayat sama ada Frasa Nama + Frasa Nama (FN+FN), Frasa Nama + Frasa Kerja (FN+FK), Frasa Nama + Frasa Adjektif (FN+FA) atau Frasa Nama + Frasa Sendi (FN+FS).**

- (i) Abang saya pegawai di pejabat itu.
- (ii) Gadis yang berbaju kurung itu sangat cantik.
- (iii) Pemuda yang kacak itu ke pejabatnya dengan menaiki kereta.
- (iv) Petani itu menjual hasil tanamannya di pasar.
- (v) Tengku Saudat daripada keluarga bangsawan.
- (vii) Faridah pelakon drama Anakku Dah Balik.

[6 markah]

(c) **Dalam setiap ayat di bawah terdapat satu kesalahan ejaan dan satu kesalahan penggunaan imbuhan. Senaraikan dan betulkan kesalahan-kesalahan itu. Bagi setiap ayat, anda tidak boleh menyenaraikan lebih daripada satu kesalahan ejaan dan satu kesalahan imbuhan. Anda tidak perlu menyalin ayat itu semula.**

- (i) Semua data kemasukan pelancong asing ke negara kita akan dikemas kini bagi memudahkan pihak penguatkuasa mengesan pelancong yang melakukan kesalahan jenayah.
- (ii) Oleh sebab Nizam amat meminati profesyen keguruan, dia telah hadir untuk bertemu duga di Kementerian Pendidikan Malaysia.
- (iii) Aktiviti ko-kurikulum seperti bersukan, berkawad dan berkhemah dapat membentuk nilai pemimpin yang utuh dalam kalangan pelajar di sekolah.

[6 markah]

(d) Dalam ayat di bawah, terdapat **satu kesalahan penggunaan kata atau istilah dan satu kesalahan tatabahasa**. Senaraikan dan betulkan kesalahan-kesalahan itu. Anda tidak boleh menyenaraikan lebih daripada satu kesalahan penggunaan kata atau istilah dan satu kesalahan tatabahasa. Anda tidak perlu menyalin ayat itu semula.

- (i) Sejak kebelakangan ini, pasukan nasyid Ar-Rijal telah banyak mendapat undangan untuk mengadakan pertunjukan di sekitar daerah Dungun.
- (ii) Novel Kasihku Kasihmu Jua mendapat sambutan luas apabila berada di pasaran sejak daripada hari pertama dilancarkan.
- (iii) Berbagai reaksi ditunjukkan oleh pelajar di dalam kelas itu apabila Cikgu Jamal menyapa mereka yang berbuat bising sehingga mengganggu proses pembelajaran.

[6 markah]

(e) Bina satu ayat berdasarkan peribahasa di bawah.

- (i) Meninggi diri
- (ii) Seperti lembu dicucuk hidung
- (iii) Duduk sama rendah berdiri sama tinggi

[6 markah]

Soalan 4 : Novel
[15 markah]

Jawab soalan-soalan di bawah berdasarkan novel-novel yang berikut:

- (i) Pantai Kasih karya Azmah Nordin
- (ii) Bimasakti Menari karya Sri Rahayu binti Mohd Yusop

- (a) Berdasarkan **sebuah** novel yang anda pelajari, huraikan **dua nilai tanggungjawab** yang terdapat dalam novel tersebut.

[7 markah]

- (b) Watak utama dalam sesebuah novel sering menghadapi cabaran dalam hidupnya.

Berdasarkan **dua buah** novel yang anda pelajari, jelaskan pernyataan tersebut dengan merujuk kepada **satu** peristiwa bagi setiap novel.

[8 markah]

KERTAS SOALAN TAMAT